

## PENGHARGAAN

Dalam ruangan ini saya mengambil kesempatan mengucapkan jutaan terima kasih kepada Professor Madya Dr. Tan Chee Beng kerana sudi menjadi penyelia kepada saya dalam menghasilkan latihan ilmiah ini. Atas susah payah beliau memberi nasihat, teguran membina, pandangan dan bantuan-bantuan secara langsung atau tidak langsung sangat-sangat saya hargai.

Jutaan terima kasih juga kepada penduduk kampung Lingkudou, Tegudon, Himbaan, Bundu Tuhan serta penduduk Ranau secara keseluruhannya. Terutama sekali kepada En. Juati kerana sudi mengambil saya sebagai anak angkat, En. Mussidin Lamid dan lain-lain lagi kerana banyak memberi bantuan dan pandangan yang berharga sepanjang saya menjalankan kajian luar.

Selain daripada itu jutaan terima kasih kepada pegawai-pegawai Kerajaan dan Swasta serta orang perseorangan yang banyak memberikan idea-idea, pandangan dan maklumat-maklumat kepada saya seperti En. Junaidi Sehat, En. Lassim Tukang dan lain-lain lagi kerana sudi meluangkan masa untuk kebaikan saya. Juga kepada pengawai-pegawai perpustakaan yang banyak bersusah payah untuk menyediakan buku-buku rujukan yang diperlukan.

Kepada teman-teman seperti saudara Julius Lajau yang banyak memberikan maklumat kepada saya dan tidak lupa kepada Saudari Wyrene Gidung yang membantu saya terutamanya dalam mencari buku-buku rujukan yang diperlukan serta ramai lagi teman-teman yang banyak memberi dorongan dan peringatan

semasa saya menulis latihan ilmiah.

Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada individu-individu yang telah membantu saya secara langsung atau tidak langsung, kecil atau besar dalam menulis latihan ilmiah.

Akhir sekali saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada keluarga saya terutamanya yang telah berkorban harta benda, masa dan budi selama ini yang tidak mungkin dapat saya balas selama-selamanya. Terima kasih daun keladi kepada semua -POINSIKOU TOGUMU NGAWI (Terima kasih banyak).

Hamiddun Udin,  
Asrama Kinabalu,  
Universiti Malaya,  
Kuala Lumpur,  
Disember 1991.